



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR **24 Dec2021 (Friday)**

Berita Harian

Mangsa bah tujuh negeri berkurangan	1
409 kawasan masih terjejas bekalan elektrik	2
MPB serah 280 set kit kebersihan diri	3
Selangor perlukan sukarelawan percepat operasi bersih sampah	4
LZS perkasa pengurusan zakat ke arah digitalisasi	5

Utusan Malaysia

Bersama tangani bencana	6
Sampai bila nak hadap banjir?	7
Benarkah kita lambat bertindak?	8
Masa buktikan kasih sayang	9
Sekilas Fakta	10

Harian Metro

Bilangan mangsa banjir menunjukkan penurunan	11
Paras air ada tanda meningkat	12
14 hari kembali bersih	13
Manfaat buat 60,000 penduduk	14

Sinar Harian

MB Selangor sasar isu sampah selesai dalam tempoh seminggu	15
Selangor perlu bina kolam bawah tanah	16
BANJIR MELANDA	17
Elak berada di sungai dekat empangan	18

Astro Awani

Angka Korban Di Selangor Meningkatkan 24	19
Angka Korban Di Selangor Meningkatkan 24 Orang	20

Bernamea News Channel

Selangor Perlu Sukarelawan, Lori, Bantu Operasi Bersih Sampah Pukal	21
---	----

Nasional FM (87.7)

Selangor Perlu Sukarelawan, Lori	22
----------------------------------	----

The Star

Nine-month approved investment surges 51.5%	23
Working together on rescue and relief efforts	24
Digital parking coupons to be available via Smart Selangor app from Jan 3	25
Old way better	26

New Straits Times

Water supply fully restored in Petaling, KL	27
---	----

The Sun

Call for volunteers to transport garbage	28
PETALING, KL WATER SUPPLY RESTORED	29
Stay away from downstream areas of dams in Selangor, public told	30



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



BFM89.9	
Ned Helped Of Volunteers Lorry To Speed Up Cleaning	31
Mix FM	
Selangor Needs Volunteers- MB	32
China Press	
1,500 people and 470 lorries cleanup 2,000 tons of garbage in 3 days	33
Get over wind and rain, rebuild Selangor	34
Big City Affairs: The people are urged not to approach the river; with the rising of the water levels, they are asked to keep away from the dams	35
MBPJ implements a austerity plan to increase revenue and still has a surplus of RM31.69 million	36
Traffic jams in flood-stricken areas made it difficult for lorries to enter to collect garbage, military vehicles assisted in guiding the way	37
MPKJ provides compound notices and tax discounts. People can enjoy a discount of RM10 if they pay the house tax in one time.	38
Sin Chew Daily	
Selangor MB: Taman Sri Muda flood was fade away, all units started to clean up after the disaster	39
3 residence areas in Sungai Long water outage 5 days, flood caused 2 water treatment plants closed	40
Government and banks provide aid plan to apply, to reduce the burden of flood victim	41
Cleaning up and rebuild homes	42
Nanyang Siang Pau	
The garbage pile is waiting to be cleaned up	43
Rohas Tecnic secures RM85.5 million contract	44
Guang Ming Daily	
Aboriginal people suffer from severe flooding in Hulu Langat and have no water and food for 4 days	45
Menteri Besar of Selangor: The flood in Taman Sri Muda has receded and will be cleaned up and repaired immediately	46
Aid, financing, and loan repayment measures have been released, and a series of assistance will solve the troubles of the victims	47
Makkal Osai	
Selangor needs volunteers trucks to clear bulk waste in cleaning ops	48
Malaysia Nanban	
2,064 metric tons of waste!	49
No politics in flood issue	50



KERATAN AKHBAR

24 December 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Mangsa bah tujuh negeri berkurangan
Muka Surat	:	3

Mangsa bah tujuh negeri berkurangan



Keadaan banjir yang berlaku di sekitar Kampung Temai, Pekan, semalam.

(Foto Farizul Hafiz Awang/BH)

59,662 terjejas babit 16,901 keluarga, 377 PPS masih beroperasi

Oleh Muhammad Yusri Muzamir, Roselan Ab Malek, Ruwaida Md Zain, Hidayatiday Razali, Noor Hidayah Tanzizi dan Nozri Abu Bakar
 bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jumlah keseluruhan mangsa banjir di tujuh negeri direkodkan berkurangan kepada 59,662 orang membabitkan 16,901 keluarga sehingga jam 5 petang semalam.

Angka dikongsi portal Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) itu mencatatkan penurunan berbanding 60,583 individu membabitkan 17,164 keluarga pada jam 12 tengah hari.

Perkongsian sama juga menjelaskan 377 pusat pemindahan sementara (PPS) masih beroperasi di Pahang, Kelantan, Selangor, Melaka, Perak, Negeri Sembilan dan Kuala Lumpur, berbanding 389 PPS pada jam 12 tengah hari.

Ia turut menyaksikan jumlah mangsa banjir di PPS Negeri Sembilan dan Kuala Lumpur tidak berkurangan, antara jam 12 tengah hari hingga jam 5 petang semalam.

Mangsa banjir ditempatkan di PPS Perak dan Kelantan mencatatkan pengurangan 63 orang, manakala Melaka (4), Pahang (27) serta Selangor (51).

Kemas kini terbaru menunjukkan 249 PPS beroperasi di Pahang bagi menempatkan 34,998 mangsa membabitkan 12,007 lelaki, 11,705 wanita, 10,031 kanak-kanak dan 1,255 bayi.

Seramai 22,261 mangsa pula berlindung di 111 PPS di Selangor iaitu 7,633 lelaki, 7,438 wanita, 6,368 kanak-kanak dan 822 bayi.

Lapan PPS dibuka di Kelantan bagi menempatkan 1,496 mangsa membabitkan 434 lelaki, 493 wanita, 530 kanak-kanak dan 39 bayi, manakala dua PPS dibuka di Melaka bagi memberi perlindungan kepada 131 orang iaitu 46 lelaki, 40 wanita, 44 kanak-kanak serta seorang bayi.

Seramai 182 mangsa daripada 39 lelaki, 59 wanita, 77 kanak-kanak dan tujuh bayi ditempatkan di dua PPS di Perak, manakala 307 mangsa, masing-masing 100 lelaki, 109 wanita, 90 kanak-kanak dan lapan bayi berlindung di empat PPS di Negeri Sembilan.

Selain itu, seramai 314 mangsa masing-masing 109 lelaki, 124 wanita dan 81 kanak-kanak ditempatkan di dua PPS di Kuala Lumpur.

Mengenai kejadian tanah runtuh pula, portal Info Bencana JKM merekodkan dua PPS dibuka bagi menempatkan 132 mangsa di Batu 11, Gombak, Selangor dan Sungai Penchala, Kuala Lumpur yang terjejas akibat insiden terbabit.

Portal berkenaan turut mela-

porkan satu kejadian kebakaran di Kuala Lumpur membabitkan 12 mangsa ditempatkan di sebuah PPS dengan kapasiti 200 orang di Dewan 4B Sri Johor, Cheras.

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), pula berkata air Sungai Pahang mencatatkan paras bahaya di lima kawasan iaitu Paloh Hinai, Pekan; Sungai Bera, Water Front dekat Bera; Sungai Kundang, Maran serta Lubuk Pasu dan Kuala Krau di Temerloh, manakala satu lagi berada pada bacaan amaran.

Di **Jerantut**, mangsa banjir di Pahang meningkat kepada 37,420 orang pagi semalam, berbanding 36,844 orang kelmarin, terutama di Temerloh, Bera, Pekan dan Bentong.

Jurucakap Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pahang, berkata jumlah mangsa banjir itu membabitkan 10,937 keluarga ditempatkan di 264 PPS.

Beberapa laluan di Pahang masih ditutup untuk semua kenderaan berikutan banjir masih belum surut.

Di **Shah Alam**, Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata gerak kerja membabitkan 3,326 anggota, termasuk badan bukan kerajaan (NGO) terus berusaha mengurus termasuk mencari dan menyelamat (SAR) mangsa banjir.

Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), Datuk Seri Ir Dr Zaini Ujang, dalam catatan Facebooknya, pula berkata banjir di Taman Sri Muda, Shah Alam, semakin surut sejak malam Rabu lalu.

Di **Kota Bharu**, banjir di Kelantan semakin pulih apabila hanya satu daerah saja masih

terjejas iaitu Pasir Mas, manakala semua PPS di Kuala Krai dan satu PPS di Gua Musang ditutup bermula petang kelmarin.

Di **Teluk Intan**, keadaan cuaca semakin baik dan air di beberapa kawasan mulai surut, namun pihak berkuasa masih memantau secara berkala.

Di **Melaka**, Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Melaka, Letenan Kolonel (PA) Cuthbert John Martin Quadra, berkata banjir di daerah Melaka Tengah pulih sepenuhnya selepas tiga PPS masing-masing satu di Krubong, Tanah Merah dan Taman Merdeka sudah ditutup.



Anggota JBPM membawa mangsa banjir ke pusat pemindahan sementara (PPS) Sekolah Kebangsaan Temai, Pekan, semalam.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 24 December 2021		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	409 kawasan masih terjejas bekalan elektrik
Muka Surat	:	6

409 kawasan masih terjejas bekalan elektrik



Antara kawasan yang terputus bekalan elektrik akibat banjir di Hulu Langat.
(Foto Aizuddin Saad/BH)

Kuala Lumpur: Bekalan elektrik di 409 kawasan di Pahang, Negeri Sembilan dan Kuala Lumpur yang terjejas akibat banjir pulih, sehingga tengah hari semalam.

Tenaga Nasional Berhad (TNB) memaklumkan, bekalan elektrik pulih di 272 kawasan di Pahang, 22 kawasan di Negeri Sembilan dan 11 kawasan di Kuala Lumpur.

"Jika banjir sudah surut, tetapi belum menerima bekalan elektrik, besar kemungkinan pencawang yang menyalurkan bekalan elektrik ke premis anda masih belum benar-benar selamat untuk diaktifkan," katanya melalui laman sosial TNB, semalam.

Selain itu, sebanyak 225 kawasan di tiga negeri berkenaan be-

lum mendapat bekalan elektrik berikutan penutupan bekalan oleh TNB untuk keselamatan pengguna.

TNB berkata, jumlah kawasan yang terjejas adalah 216 kawasan di Pahang, enam di Negeri Sembilan dan tiga di Kuala Lumpur.

Orang ramai yang ingin mengetahui status bekalan elektrik di kawasan masing-masing boleh merujuk ke laman Facebook TNB Careline.

Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd pula memaklumkan, bekalan di Petaling, Hulu Langat dan Kuala Lumpur yang terjejas berikutan henti tugas empat loji rawatan air susulan peningkatan paras air serta penutupan bekalan elektrik pada 19 Disember

lalu, sudah mencapai tahap 95 peratus semalam.

"Bantuan melalui lori tangki masih digerakkan ke kawasan terjejas dengan keutamaan kepada premis kritikal sepanjang tempoh gangguan bekalan," katanya.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Ammar MUSA, pula berkata 153 daripada 342 menara telekomunikasi yang terjejas akibat banjir besar di Selangor sudah beroperasi semula, kelmarin.

Katanya, 183 lagi menara telekomunikasi dalam proses baik-pulih, dengan usaha sama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan syarikat telekomunikasi.



KERATAN AKHBAR 24 December 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	MPB serah 280 set kit kebersihan diri
Muka Surat	:	9



Rosli (dua dari kanan) menyerahkan kit kebersihan diri kepada Pegawai Pertahanan Awam yang juga Ketua Sekretariat Pengurusan Bencana Daerah Hulu Langat untuk diagihkan kepada mangsa banjir di Hulu Langat.
 (Foto Rohanis Shukri/BH)

MPB serah 280 set kit kebersihan diri

Hulu Langat menjadi destinasi pertama salur bantuan banjir

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
 bhnews@bh.com

Kuala Lumpur: Media Prima Berhad (MPB), menerusi Tabung Bencana NSTP-Media Prima menyerahkan 280 set kit kebersihan diri bernilai RM42,000 kepada mangsa banjir di Hulu Langat semalam.

Sebanyak 60 set diserahkan di pusat penempatan sementara (PPS) Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Serai, manakala 220 set lagi diserahkan oleh Briged Sukarelawan Media Prima-NSTP di pusat pengumpulan barang bantuan mangsa banjir daerah Hulu Langat di Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat untuk diagihkan kepada mangsa banjir.

Kit kebersihan diri yang mengandungi pelbagai barangan penjagaan termasuk ubat gigi, sabun, berus gigi, tuala wanita, ubat-ubatan serta lampu suluh itu bernilai RM150.

Kit itu disampaikan oleh Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan MPB, Rosli Sabarudin kepada Pegawai Angkatan Pertahanan Awam, yang juga Ketua Sekretariat Pengurusan Bencana Daerah

Hulu Langat, Kapten (PA) Ruslan Lok.

Sementara itu, Rosli mengucapkan terima kasih kepada orang ramai yang memberi sumbangan menerusi Tabung Bencana NSTP-Media Prima.

Beliau berkata, sumbangan membolehkan bantuan kit itu diagihkan kepada mangsa banjir yang terabit.

"Hulu Langat menjadi destinasi pertama bantuan banjir diberikan dan selepas ini kita akan serahkan sumbangan kepada mangsa di lokasi banjir lain pula," katanya.

Beliau berharap, orang ramai

akan terus menghulurkan bantuan kepada Tabung Bencana NSTP-Media Prima bagi membolehkan lebih banyak aktiviti bantuan diagihkan hasil sumbangan orang ramai.

Turut hadir pada majlis penyerahan itu adalah Timbalan Pengarah Bahagian Penyelarasan Operasi Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Rusli Ibrahim.

Seramai 222 mangsa banjir membabitkan 53 keluarga ditempatkan di PPS SK Sungai Serai sejak Ahad lalu selepas rumah mereka di Kampung Sungai Serai dan Kampung Dusun Nanding terabit banjir.



Kit barangan kebersihan diri yang diserahkan melalui Tabung Bencana NSTP-Media Prima.
 (Foto Rohanis Shukri/BH)



KERATAN AKHBAR		
24 December 2021		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Selangor perlukan sukarelawan percepat operasi bersih sampah
Muka Surat	:	9

Selangor perlukan sukarelawan percepat operasi bersih sampah

Shah Alam: Selangor memerlukan bantuan lebih banyak lori dan sukarelawan bagi mempercepat operasi pembersihan sampah pukal di kawasan terjejas akibat banjir di negeri ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata kerja pembersihan sampah pukal itu mem-babitkan 1,200 petugas KDEB Waste Management Sdn Bhd (KDEB) iaitu syarikat penuh milik kerajaan negeri, namun tenaga sukarelawan masih diperlukan untuk mengangkut sampah rumah penduduk yang tidak dapat diakses lori sampah.

“Di lorong kecil, petugas kita tidak mampu sepenuhnya, kita memerlukan sukarelawan bagi mengangkut sampah keluar dari rumah dan lorong ke jalan besar, di jalan besar nanti pihak KDEB Waste boleh pungut dan uruskan,” katanya selepas meninjau Operasi Pembersihan KDEBWM Pasca Banjir di Jalan Mat Raji, Padang Jawa, Seksyen 16, semalam.

Pada masa sama katanya, kerajaan negeri mengalu-alukan pihak yang boleh menyumbangkan lori bersesuaian untuk mengangkut sampah berkenaan.

“Kita ada lebih 400 lori seluruh Selangor untuk angkat sampah ini, tetapi kalau mana-mana pihak hendak bagi lori kita sangat hargai. Sebab semakin banyak lori, semakin cepat kita dapat bersihkan sampah banjir di kawasan terjejas. Rumah di kawasan taman agak mudah sebab jalan boleh diakses lori, tetapi jalan kampung agak sukar lori masuk,” katanya.

Amirudin berkata, pihaknya menyasarkan proses pembersihan itu selesai dalam tempoh satu hingga dua minggu tetapi bergantung kepada keadaan semasa.

Malah beliau sudah meminta waktu pengoperasian kawasan pelupusan sampah Jeram Sanitary Landfill di Jeram, Kuala Selangor dilanjutkan daripada jam 8 malam hingga 11 malam.

Katanya, 2,064 tan sampah diangkut oleh KDEB Waste mem-babitkan 487 tong roro (roll-on roll-off) setakat jam 9 malam kelmarin dengan kerja pembersihan mem-babitkan 29 jengkaut dan 1,274 pekerja di lapan daerah terjejas banjir.

Di **Kuantan**, kerajaan Pahang akan menyumbang Bantuan Khas Bencana Banjir sebanyak RM500 kepada setiap ketua isi rumah yang terjejas banjir di negeri itu, mem-babitkan mangsa yang berpindah ke pusat pemindahan sementara (PPS), tidak berpindah ke PPS tetapi menumpang di rumah saudara, tinggal di rumah sewa dan tidak berpindah ke mana-mana.

Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail dalam satu kenyataan semalam, berkata kerajaan negeri membuat sumbangan itu berdasarkan kemampuan dan keupayaan kewangannya demi meringankan beban yang ditanggung mangsa.

Di **Seremban**, Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun, berkata kerajaan negeri menyediakan peruntukan awal RM12 juta bagi menangani keseluruhan kesan banjir yang melanda negeri ini, mem-babitkan RM5 juta bagi bantuan tunai RM1,000 kepada setiap ketua isi rumah terkesan.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 24 December 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	LZS perkasa pengurusan zakat ke arah digitalisasi
Muka Surat	:	14

LZS perkasa pengurusan zakat ke arah digitalisasi

Kuala Lumpur: Menuju ke arah Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0), Lembaga Zakat Selangor (LZS) mengorak langkah memacu pengurusan zakat ke arah agenda digitalisasi.

Ketua Pegawai Eksekutif LZS, Saipolyazan M Yusop, berkata IR 4.0 adalah realiti masa kini yang mana setiap organisasi perlu mengambil langkah drastik ke arah perubahan bagi memastikan ia kekal relevan dengan arus perkembangan semasa dan berdaya saing pada masa hadapan.

Katanya, LZS tidak ketinggalan dalam menyokong pertumbuhan teknologi dan pembangunan platform media sosial yang mampu memberi impak positif dalam kehidupan harian masyarakat ketika ini.

"LZS melihat sosial media sebagai platform terbaik mendekati pembayar dan penerima zakat. Impak positifnya seperti memudahkan komunikasi dan maklumat dapat disampaikan dengan lebih cepat serta meluas.

"Ja peluang besar untuk LZS meningkatkan mutu perkhidmatan pengurusan zakat, terutama-

nya aspek pendedahan dan kesedaran mengenai kepentingan zakat serta pengalaman pelanggan untuk membuat sebarang pembayaran serta permohonan bantuan zakat," katanya.

Sehingga kini, jumlah fakir, miskin di Selangor adalah seramai 65,000 keluarga, termasuk 14,800 keluarga menerima bantuan makanan setiap bulan.

Beliau berkata, adaptasi dan penerokaan digital dalam perkhidmatan serta pengurusan zakat kini menjadi pemangkin utama LZS dalam meneraju perubahan itu.

"Antara digitalisasi LZS untuk pengeluar zakat dan juga asnaf adalah Portal Asnaf Self-Administration Service (ASaS) atau Portal Pengurusan Data Asnaf yang menjadi perkhidmatan dalam talian, khusus untuk asnaf fakir dan miskin mengemas kini maklumat diri serta tanggungan dengan cepat dan mudah.

"Ja alternatif menggantikan proses bancian semula asnaf fakir dan miskin yang menjadi aktiviti tahunan LZS secara bersemtuka.

"LZS juga menyediakan Asnaf Online bagi permohonan bantuan dalam talian seperti situasi negara kini berdepan dengan COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)," katanya.

Pada masa sama, LZS turut melaksanakan E-Dialisis, E-Pendidikan, E-PAK, EzakatOnline, E-SPG, E-Majikan, EzakatOnline (EZO) dan aplikasi peranti Zakat Selangor.

Saipolyazan berkata, dua strategi utama dibangunkan bagi meneraju perubahan itu dalam usaha merealisasikan misi LZS untuk memberi perkhidmatan kepada umat Islam dengan penuh integriti dan profesionalisme pengurusan urusan kutipan dan agihan zakat.

Katanya, strategi pertama adalah memfokuskan kepada meningkatkan keberkesanan agihan zakat dengan penambahbaikan berterusan terhadap operasi agihan.

"Strategi kedua, memperkasakan pengurusan zakat di LZS dengan pengaplikasian teknologi terkini sesuai dengan IR 4.0 dan objektif memaksimumkan kutipan serta pengurusan zakat," katanya.

Mengulas mengenai cabaran LZS dalam digitalisasi IR 4.0, beliau berkata, mengurus persepsi masyarakat pada era sosial me-



LZS juga menyediakan Asnaf Online bagi permohonan bantuan dalam talian.

dia bukan mudah kerana ada maklumat yang boleh menyebabkan salah faham, seterusnya menimbulkan ketidakpuasan hati dan ketidakpercayaan masyarakat terhadap sistem perkhidmatan zakat.

Katanya, ia berlaku kerana kurang pendedahan atau maklumat jelas mengenai penggunaan dana zakat yang diterima.

"Selain itu, terlalu banyak dakwah pada era digital seperti maklumat belum tentu sahih, mendorong individu membuat agihan sendiri yang akhirnya tidak

sampai kepada asnaf sepatutnya.

"Cabaran lain adalah kekurangan infrastruktur dan kemahiran digital dalam kalangan warga asnaf untuk menggunakan perkhidmatan yang disediakan," katanya.

Beliau turut berharap, melalui perkhidmatan secara digitalisasi, LZS akan lebih telus dan berkualiti dengan meningkatkan kepercayaan serta keyakinan masyarakat terhadap kompetensi, kredibiliti dan ketelusan institusi zakat.



Saipolyazan M Yusop



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 24 December 2021

Akhrar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Bersama tangani bencana
Muka Surat	:	2

Masa darurat tiada sistem yang betul, gembeng tenaga selamatkan mangsa

Bersama tangani bencana

Oleh MASZUREEN HADZMAN
 dan NURAINA HANIS ABD HALIM

di: www.utusan.com.my

SHAH ALAM: Semua agensi kerajaan perlu bersama menggembleng tenaga dan kepakaran masing-masing bagi memastikan

tugasan menyelamat mangsa dalam setiap bencana dapat dilakukan dengan lancar.

Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Affendi Buang berkata, agensi keselamatan tidak boleh bekerja sendiri sebaliknya sebarang kekurangan tugas

Baiki longkang zaman 'penjajah' »5

perlu dicari penyelesaian secara bersama.

Menurut beliau, dalam keadaan semua krisis, keselamatan mangsa perlu diutamakan selain memastikan keselamatan mangsa lebih terjamin.

harusnya menuding jari dan meletakkan kesalahan kepada agensi berkaitan. Kespadaan antara agensi penting dalam memastikan keselamatan mangsa lebih terjamin.

Bersambung di muka 2

Bersama tangani bencana

Dari muka 1

"Kita perlu bekerjasama, tiada sistem yang betul. Ini darurat, satu bencana. Jika kita berganding bahu, semuanya dapat digariskan," katanya dalam sidang akhbar di Pusat Kawalan Bencana di Taman Sri Muda di sini semalam.

Affendi berkata, pihaknya dan pelbagai agensi lain kini bersedia berdepan kemungkinan berlakunya sekali lagi banjir ekoran fenomena Monsun Laut Timur belum berakhir.

"Banjir yang teruk belum habis kerana monsun tersebut belum melanda negeri-negeri pantai timur semenanjung iaitu di Kelantan dan Terengganu," kata beliau.

Sementara itu, Ketua Polis Negara, Tan Sri Acryl Sani pula berkata, 13 sungai di seluruh negara masih berada pada paras bahaya (merah) manakala 10 lagi dalam tahap amaran.

Menurut beliau, ini berdasarkan laporan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) terdapat peningkatan air sungai di 13 lokasi iaitu sembilan sungai di Pahang, Kelantan (2) dan masing-masing satu di Selangor dan Johor.

"Sebanyak 10 sungai kini berada pada tahap amaran, perlu berwaspada kemungkinan akan melimpah dan menyebabkan berpotensi banjir."

"Ini melibatkan dua sungai di Kelantan, Melaka, Sarawak dan satu di Johor dan Selangor," kata beliau.

Dalam pada itu, menurut Acryl Sani, sejak Jumaat lalu hingga kini sebanyak 137 jalan masih ditutup di seluruh negara.

"Jalan tutup iaitu 120 lokasi di Pahang, Selangor (12), Kelantan (3) dan Negeri Sembilan (1)."

"Kita mendapati Pahang agak terjejas teruk, jadi anggota dikerahkan untuk bersedia," kata beliau.

Jelas beliau, seramai 66,015 petugas daripada pelbagai agensi termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan

Bomba dan Penyelamat Malaysia (DBPM), Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Jabatan Sakarehwan Malaysia (Reha) digerakkan bagi operasi menyelamat khususnya di tujuh negeri yang masih dilanda banjir.

"Selain itu, sebanyak 1,600 bot daripada semua agensi dikerahkan bagi penyelamatan tugas untuk menyelamat serta mengantar bekalan makanan" jelasnya.

Dalam perkembangan berasingan, Acryl Sani memberitahu, angka kematian dalam bencana ketika ini kekal 37 mangsa manakala 10 individu masih hilang.

"Sepanjang tempoh itu, sebanyak 68,341 mangsa banjir direkodkan melibatkan 18,080 keluarga yang kini berada di 395 pusat pemindahan sementara."

"Kematian terbaru direkodkan semalam membabitkan lima mangsa iaitu empat dewasa dan seorang kanak-kanak," katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 24 December 2021		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Sampai bila nak hadap banjir?
Muka Surat	:	11

Detik cemas selamatkan diri, dua anak kecil, bapa sakit buah pinggang

Sampai bila nak hadap banjir?


Oleh **MAISARAH SHEIKH RAHIM**
 maisarah.rahim@mediamulia.com.my

SEPANG: Detik cemas menyelamatkan diri bersama dua anak kecil dan bapa yang merupakan pesakit buah pinggang ketika air mula sampai ke aras leher secara tiba-tiba, menjadi igauan ngeri penduduk Taman Salak Budi di sini.

Menurut Pengurus Jualan dan Pengiklanan Media Mulia Sdn. Bhd., Nor Lyanna Shorlokman, situasi itu menjadi trauma dia dan keluarga apatah lagi menengangkan kesemua harta benda musnah termasuk barangan serta peralatan untuk rawatan dialisis bapanya terpaksa ditinggalkan.

Menceritakan semula kejadian itu, Lyanna berkata, hujan bermula hari Jumaat dan pada sebelah malamnya air mula naik dan sudah memasuki rumah pada pagi Sabtu.

"Kami sempat menyelamatkan diri. Saya tinggal bersama dengan suami, dua anak kecil dan juga ibu bapa. Ayah saya pula merupakan seorang pesakit buah pinggang yang memerlukan rawatan dialisis air setiap empat jam.



KEADAAN rumah Nor Lyanna Shorlokman yang dilanda banjir di Taman Salak Budi, Sepang, Selangor.

"Namun segala barangan untuk membuat dialisis itu terpaksa ditinggalkan. Ayah saya juga tidak kuat untuk berjalan sendiri

dan memerlukan kerusi roda.

"Tak disangka-sangka air semakin naik melepasi paras leher. Ini amat mengejutkan kami kerana kejadian banjir sebelum ini hanya sehingga paras lutut

sahaja," katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Lyanna berkata, sehingga hari ini air banjir masih tidak surut walaupun sudah memasuki hari keempat membuatkan keadaan rumah menjadi teruk dan segalanya musnah.

Katanya, keadaan itu menyukarkan proses mengemas rumah dan tiada apa lagi yang tinggal dengan segala peralatan rumah dan perabot habis rosak.

Apa yang menyedihkan, katanya, banjir ini merupakan tragedi ketiga dalam masa setahun di kawasan ini dengan jurang masa hanya dua bulan dari banjir kedua dan ketiga.

"Setiap kali banjir, paras air menjadi lebih tinggi dari sebelumnya dan kami penduduk di sini tidak boleh menjangka apa yang akan terjadi lagi kepada kamiselepas ini.

"Kawasan di sini sistem perparitan agak teruk, apabila hujan pasti air naik dan bertakung. Majlis Perbandaran Sepang, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan semua pihak terlibat perlu berbuat sesuatu," katanya.



KERATAN AKHBAR		
24 December 2021		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Benarkah kita lambat bertindak?
Muka Surat	:	14



BENCANA banjir adalah yang paling kerap dan membawa kerosakan paling besar setiap tahun di negara ini. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

Benarkah kita lambat bertindak?

CAKNA
 Oleh **Megat Syazlee Mokhtar**



HUJAN lebat turun tanpa henti setelah beberapa hari. Masyarakat masih leka dengan kegiatan harian mereka. Tiada yang menjangka hujan berderu ini bakal membawa gelombang air bah begitu mengempoh dan meluap sehingga kebanyakan mangsa hanya sempat bergegas menyelamatkan nyawa mereka sehelai sepinggang. Harta mereka binasa dihanyut banjir.

Mangsa-mangsa berlindung di atap bangunan dan kawasan tinggi. Terperangkap dikepung air tanpa makanan, perubahan atau bekalan asas. Lebih memburukkan keadaan, ada mangsa terpaksa menunggu lebih dari 12 jam sebelum bantuan tiba daripada agensi-agensi kerajaan.

Kejadian banjir bukanlah perkara baharu bagi Malaysia. Boleh dikatakan berbanding semua bencana di negara ini, banjir adalah yang paling kerap dan membawa kerosakan paling besar setiap tahun. Namun, tindakan agensi-agensi kerajaan yang kurang berdaya menunjukkan kelemahan ketara pada keupayaan dan keselarasan dalam menangani malapetaka ini.

Di negara ini, Jabatan

Kegagalan merancang adalah gagal, namun bagaimana perancangan hendak dibuat tanpa maklumat?"

Pengairan dan Saliran (JPS) adalah pihak berkuasa bagi kerja-kerja penyenggaraan saliran yang diiktiraf, malah bertanggungjawab juga dalam isu pencegahan banjir. Dasar dan strategi tebatan banjir utama JPS sebahagian besarnya terdiri daripada langkah-langkah pembinaan struktur (contohnya empangan dan benteng untuk mengawal aliran banjir).

Namun, strategi pembinaan struktur ini mengambil masa lama dan kos yang tinggi. Akibatnya, peruntukan kewangan untuk projek tersebut meningkat dengan ketara dan memberi tekanan besar kepada kerajaan. Daripada insiden banjir baru-baru ini, jelas perbelanjaan tinggi ini tidak dapat mengatasi bencana banjir yang makin serius di pasca era kehangatan global kini.

JPS juga bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan ramalan dan amaran

banjir kepada orang ramai. Ia menubuhkan sistem pemantauan banjir kebangsaan berasaskan internet yang dikenali sebagai Infobanjir di mana data hujan dan paras air boleh dikumpulkan untuk seluruh negara.

Malangnya, maklumat ini gagal dimanfaatkan dan disebarkan kepada penduduk di kawasan bahaya banjir agar mereka membuat perancangan dan persediaan sesuai. Kegagalan merancang adalah merancang untuk gagal, namun bagaimana perancangan hendak dibuat tanpa maklumat?

NADMA

Jentera bantuan bencana banjir adalah di bawah Jawatankuasa Bantuan Bencana Alam (NDRCC) dengan sekretariatnya dalam Majlis Keselamatan Negara (MKN), Bahagian Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri mempunyai objektif utama untuk menyelaraskan operasi bantuan dalam menyediakan bantuan kewangan daripada negara di bawah Tabung Bantuan Bencana yang disasarkan kepada mangsa bencana. Pun begitu, harus ditekankan, jentera bantuan ini hanya bertindak secara reaktif (*reactionary*), iaitu selepas terjadinya sesuatu peristiwa banjir.

Pada Oktober 2015, Kerajaan Persekutuan menubuhkan sebuah agensi khas, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), khusus untuk

pengurusan risiko bencana dan perkara lain berkaitan dengannya. NADMA dikawal selia di bawah Arahan No. 20 MKN dan semua perkara berkaitan bencana diuruskan oleh jawatankuasa tiga peringkat, iaitu Jawatankuasa Pusat Pengurusan dan Bantuan Bencana (CDMRC) yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri di peringkat Persekutuan, Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Negeri (SDMRC) yang dipengerusikan oleh setiausaha negeri dan Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Daerah yang dipengerusikan oleh pegawai daerah.

NADMA secara teorinya bertanggungjawab ke atas semua operasi pascabanjir di peringkat kebangsaan, negeri, daerah, mukim dan kampung. Bagaimanapun, kebanyakan operasi di setiap negeri dibiarkan dikendalikan oleh pihak berkuasa negeri masing-masing. Kegagalan keselelasan ini dapat dilihat apabila pihak yang mempunyai kemampuan seperti Angkatan Tentera Malaysia (ATM) terpaksa menjalankan kegiatan penyelamat dan membantu mangsa banjir tanpa menunggu arahan daripada NADMA mahupun kerajaan negeri.

Ini adalah kegagalan institusi yang jelas dan nyata sehingga memberikan kesan kepada mangsa banjir yang terpaksa menunggu sehingga tiga hari sebelum

bantuan sewajarnya tiba. Terdapat juga kekurangan dari segi penyertaan pihak berkepentingan walaupun pihak berkuasa mengiktiraf peranan penting pertubuhan bukan kerajaan (NGO) terutama Mercy, Palang Merah, Bulan Sabit Merah dan lain-lain.

Namun, terdapat kekurangan dalam melatih kemahiran ahli bukan kerajaan dan membekalkan mereka dengan peralatan-peralatan seperti sampan dan bot. Ini berkemungkinan disebabkan oleh kebergantungan besar masyarakat kepada kerajaan dan keengganan kerajaan untuk melepaskan tanggungjawab kepada orang awam.

Ini adalah satu kegagalan ketara kerana dalam insiden banjir di Lembah Klang baru-baru ini, ahli-ahli NGO dan masyarakat prihatin tiba jauh lebih awal sebelum agensi kerajaan yang dibiayai. Namun, mereka hanya mampu berputih mata kerana tidak mempunyai alatan sesuai bagi melaksanakan operasi penyelamatan mangsa-mangsa yang terperangkap.

Apa guna kerajaan membelanjakan wang yang besar daripada jumlah terkumpul cukai yang dibayar rakyat jika manfaat tidak dirasai semasa bencana melanda kami?

PENULIS ialah seorang peguam litigasi yang beramal di Kuala Lumpur.



KERATAN AKHBAR		
24 December 2021		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Masa buktikan kasih sayang
Muka Surat	:	16

Masa buktikan kasih sayang

AL-BAYAN

Oleh
 Mohd. Radzi
 Mohd. Zin



INSIDEN banjir luar biasa di Hulu Langat, Shah Alam dan Sepang di Selangor dan Bentong serta Mentakab di Pahang baru-baru ini meninggalkan kesan amat mendalam kepada penduduk dan keluarga terlibat. Kerosakan yang berlaku tidak dapat diungkap dengan kata-kata.

Setakat artikel ini ditulis, 37 maut dan 10 lagi dipercayai masih hilang. Kerugian dan kemusnahan harta benda juga dianggarkan mencecah ratusan juta ringgit.


Manakan tidak, rumah-rumah di kawasan terlibat hanya nampak bumbung akibat ditenggelami air. Ramai mangsa yang buntu untuk memulakan kehidupan selepas kawasan perumahan mereka bagai padang jarak padang tekukur akibat bencana itu.

Lebih menyedihkan, rumah-rumah pusaka yang menjadi tempat mereka berteduh selama ini kini hanya tinggal tapak dan tangga batu, manakala chalet serta kedai tempat mereka mencari rezeki lenyap dibawa arus deras dalam banjir terburuk dalam sedekad lalu.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di Kampung Batu 18 Sungai Lui, Hulu Langat mendapati kenderaan milik penduduk ada yang terbalik, rosak dan tersadai dihentang pokok-pokok besar dan kayu hanyut. Laluan masuk ke perkampungan itu juga tidak ubah seperti kawasan baharu diterokai manusia kerana dipenuhi selut dan tanah yang ditinggalkan air banjir.

Di Shah Alam, walaupun banjir belum surut sepenuhnya, penduduk sudah mula membersihkan rumah masing-masing dengan mengeluarkan perabot rosak dan memeriksa kenderaan yang terendam air sejak Sabtu lalu.

Alhamdulillah, rakyat Malaysia setakat ini membuktikan keprihatinan dengan mengadakan pelbagai misi bantuan di kawasan terlibat. Gerakan ini nampaknya menyeluruh



MANGSA banjir majoritinya tinggal sehelai sepinggang berikutan barang kelengkapan rumah dan kenderaan semuanya musnah. - UTUSAN/SYAWAL ROSLI

melibatkan agensi seperti jabatan agama Islam negeri, pasukan keselamatan dan juga pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Ada juga parti politik yang terlibat.

Demikianlah sepatutnya ukhuwah sesama mukmin. Inilah masa dan ketikanya orang beriman diuji, benarkah mereka benar-benar beriman atau sebaliknya? Sebenarnya, antara tanda orang beriman adalah mengasahi saudaranya sebagaimana ia mengasahi dirinya sendiri.

Ini dijelaskan menerusi hadis daripada Nu'man bin Basyir r.a berkata: *"Telah bersabda Rasulullah SAW yang bermaksud: Perumpamaan orang yang beriman itu dalam hal mereka saling cinta mencintai, kasih mengasahi dan bertimbang rasa sesama mereka, adalah seperti sebuah tubuh badan. Apabila mana-mana anggota ditimpa penyakit maka seluruh anggota badan akan turut serta berjaga malam dan merasakan demam."* (Riwayat Muslim)

Oleh yang demikian, setiap kita janganlah lepaskan

Ramai yang relatifnya jatuh 'miskin' ekoran banjir ini."

peluang untuk sama-sama membantu baik sesama Islam atau pun sesama insan yang lain. Ini kerana selain menjaga hubungan dengan Allah iaitu *hablum minallah*, kita juga disuruh menjaga hubungan baik sesama manusia iaitu *hablum minannas*.

SEHELAI SEPINGANG
 Sementelah kita sama-sama berada dalam negara bertuah bumi merdeka, Malaysia. Sayugianya kita bantu membantu tanpa mengira agama dan bangsa dalam situasi yang amat mencabar ini. Ramai yang relatifnya jatuh 'miskin' ekoran banjir ini.

Mangsa banjir majoritinya tinggal sehelai sepinggang.

Barang kelengkapan rumah dan kenderaan semuanya musnah. Dianggarkan lebih 50,000 kereta yang tenggelam dalam banjir di lapan negeri terutama Selangor dan Pahang sejak beberapa hari lalu dijangka terus tersadai.

Ini tidak mustahil berlaku ekoran kos baik pulih sahaja dianggarkan mencecah antara RM10,000 ke RM20,000 bagi sebuah kereta sedangkan pada masa sama, mangsa banjir turut kehilangan harta benda lain termasuk rumah yang musnah.

Untuk itu, marilah kita sama-sama berganding bahu menghulurkan sumbangan kepada mereka yang ditimpa musibah kali ini. Bagi yang berkemampuan, jangan kedekut menyumbang. Jika 10 juta rakyat masing-masing menyumbang RM100 seorang kepada tabung bencana banjir ini, kita boleh mengumpul RM1 bilion.

Pastinya, jumlah itu mencukupi untuk meringankan beban terpaksa ditanggung oleh kira-kira 80,000 orang yang terjejas akibat banjir baru-baru ini.

Dengan jumlah itu, sekurang-kurangnya setiap mangsa banjir akan beroleh RM12,500.

Jumlah ini walaupun tidak dapat menggantikan sepenuhnya kerugian mereka, sekurang-kurangnya dapat digunakan untuk membeli barang keperluan asas setiap keluarga terlibat.

Ingatlah ganjaran menanti mereka yang membantu orang dalam kesusahan. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: *"Barang siapa membantu menghilangkan kesedihan (kesusahan) orang Mukmin ketika di dunia maka Allah akan menghilangkan satu kesusahan di hari kiamat kelak. Barang siapa yang memberi kemudahan (membantu) orang yang dalam kesusahan, nescaya Allah akan membantu memudahkan urusannya di dunia dan akhirat..."* (Riwayat Muslim)

Bagi golongan yang menunggu hujung Disember untuk mengeluarkan zakat perniagaan dan sebakainya, eloklah dipercepatkan menunaikan kewajipan tersebut menerusi pihak berkuasa zakat. Ini supaya bantuan segera turut dapat diagihkan kepada mangsa-mangsa banjir.

Lembaga Zakat Selangor (LZS) misalnya mengumumkan akan menyalurkan sumbangan RM600 kepada ketua keluarga fakir dan miskin termasuk bukan asnaf yang terjejas akibat banjir di negeri itu. Ia melibatkan peruntukan berjumlah RM1 juta.

Jangan kita lupa, pada ketika mereka diuji dengan banjir, kita yang tidak terlibat dan dikurniakan rezeki oleh Allah juga sebenarnya sedang diuji. Kita sedang diuji sejauh mana kita bersyukur atas segala nikmat yang dikecapi.

Kita juga sedang diuji sejauh mana kita beriman dengan hadis Nabi SAW tentang keabatan kasih sayang sesama mukmin. Nabi SAW sendiri menggalakkan amalan kebajikan melalui sabda baginda yang bermaksud: *"Perkara paling disukai Allah ialah orang paling bermanfaat kepada manusia lain. Tingkah laku paling disukai adalah mengembirakan orang lain, meringankan bebannya melangkaui hutangnya atau menyelamatkannya daripada kelaparan."* (Riwayat Tabrani)



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991




KERATAN AKHBAR **24 December 2021**

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Sekilas Fakta
Muka Surat	:	20

Sekilas Fakta

Pada November 1968, Jabatan Perancang Bandar dan Kampung Negeri Selangor telah menyiapkan pelan sebuah bandar untuk dijadikan Ibu Kota Negeri Selangor yang dicadangkan pembinaannya di kawasan Sungai Renggam, 5 km dari Kelang. Terdapat 100 cadangan diterima untuk menamakan bandar tersebut, antaranya Kota Bunga Raya, Kota Lumun dan Sri Selangor. Hanya empat nama di senarai pendek, iaitu Kota Jugra, Kota Selangor, Kota Renggam dan Shah Alam (cadangan dari Sultan Selangor). Pada 21 Disember 1968 bersamaan 1 Syawal 1388, DYMM Sultan Selangor Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, selepas Sembahyang Hari Raya di Masjid Kampung Baru, Kuala Lumpur telah mengisytiharkan Shah Alam sebagai Ibu Negeri.





KERATAN AKHBAR
24 December 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Bilangan mangsa banjir menunjukkan penurunan
Muka Surat	:	2



SEBAHAGIAN penduduk Kampung Bemban, Simpang Durian menunggu bantuan bekalan makanan yang dibawa oleh anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Sembilan dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) menggunakan bot berikutan tidak dapat menggunakan jambatan kerana runtuh akibat kejadian banjir. semalam. Jambatan Kampung Bemban runtuh selepas banjir melanda beberapa hari lalu merupakan laluan utama sekitar 200 penduduk tersebut ke kampung yang lain.

Kuala Lumpur: Situasi bencana banjir yang memasuki hari ketujuh semalam menyaksikan penurunan jumlah mangsa di Pahang, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka manakala bilangan mangsa kekal di Kelantan dan Perak sementara di ibu negara terdapat sedikit peningkatan, setakat pagi semalam.

Di **Pahang**, jumlah mangsa banjir di 264 pusat pemindahan sementara (PPS) adalah seramai 37,356 orang pada pagi semalam berbanding 38,086 orang di 270 PPS, malam kelmarin menurut aplikasi Info Bencana Jabatan Bekalkan Masyarakat (JKM).

Laman web <http://publicinfo banjir.water.gov.my> pula melaporkan beberapa sungai masih melebihi paras bahaya iaitu Sungai Pahang di Paya Gintong, Jerantut; Kuala Krau dan Lubuk Pasu, Temerloh; Water Front Bera; Lubuk Paku, Maran dan Kua-

Bilangan mangsa banjir menunjukkan penurunan

la Sungai Chini di Pekan, selain Sungai Bera dan Sungai Kuantan.

Jabatan Meteorologi pula menjangkakan cuaca di Kuantan dan Pekan mendung pagi semalam manakala daerah lain terjejas banjir iaitu Bentong, Lipis, Raub, Jerantut, Temerloh, Maran dan Bera diramalkan tidak hujan.

Sementara itu, pemegang konsesi lebuhraya ke Pantai Timur di Pahang, Anih Bhd memaklumkan laluan dari Gombak ke Karak di Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak telah dibuka, namun pengguna dinasihatkan berhati-hati di laluan kontra di KM77.1 ke KM74.8 dan KM70.3 ke KM68.

Di **Selangor**, Info Bencana JKM melaporkan mangsa banjir berkurangan kepada 21,941 orang di 106 PPS pada 7.20 pagi berbanding 22,015 mangsa banjir di 109 PSS jam

8.13 malam kelmarin.

Dalam pada itu, pada 4 pagi semalam, Polis Selangor memaklumkan beberapa jalan dinaiki air dan ditutup melibatkan Lorong Ikan Haruan, Kg Bukit Lanchong, Putra Heights; Jalan Olak Lempit ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA); Jambatan FT 31 Dengkil-Banting dan Jalan bulatan Masjid KLIA menghala Charterfield KLI.

Turut ditutup ialah Jalan Jitu, Seksyen 25, Shah Alam; Jambatan Jalan Menghala ke Lapang Sasar, Subang; Jalan PJU 7, Hadapan MRT, Mutiara Damansara; Jalan Sg Panjang - Tanjung Malim; Jalan Kuala Selangor-Meru; Jalan Kuala Selangor-Bestari Jaya dan Jalan BRP 7/2 Bukit Rahman Putra.

Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) memberitahu aras air di Sungai

Langat di Bukit Changgang, Kuala Langat diletakkan sebagai status bahaya yang kini mengalami trend menurun setakat 7 pagi.

Di **Negeri Sembilan**, Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia negeri Lt Kol (PA) Mohd Syukri Madnor berkata mangsa banjir di negeri ini adalah 301 individu daripada 82 keluarga dengan penutupan satu PPS di Seremban, manakala empat PPS masih dibuka di Jejebu setakat pagi semalam.

Katanya jumlah tersebut menunjukkan penurunan berbanding malam kelmarin melibatkan 327 mangsa daripada 88 keluarga manakala jumlah kumulatif mangsa banjir direkodkan di negeri ini seramai 768 individu daripada 188 keluarga mangsa setakat ini.

Di **Melaka**, Pengarah Angkatan Pertahanan Awam

(APM) Melaka Lt Kol (PA) Cuthbert John Martin Quadra berkata jumlah mangsa banjir menurun kepada 195 mangsa daripada 34 keluarga setakat pukul 8 pagi semalam dengan kesemua mangsa berkenaan ditempatkan di tiga PPS yang masih dibuka di daerah Alor Gajah dan Jasin.

Di **Kelantan**, jumlah mangsa banjir di kekal seramai 1,559 orang daripada 532 keluarga melibatkan lapangan PPS yang dibuka kesemuanya di jajahan Pasir Mas, sementara portal rasmi info banjir JPS melaporkan tiada sungai utama di negeri itu berada pada paras bahaya.

Hanya empat sungai berada para paras amaran iaitu Sungai Kelantan di Kuala Krai, Sungai Kelantan di Kampung Temangan, Machang, Sungai Kelantan di Rantau Panjang, Pasir Mas

dan Sungai Golok di Rantau Panjang.

Di **Perak**, jumlah mangsa banjir di Changkat Jong, Teluk Intan masih kekal melibatkan 252 mangsa banjir daripada 70 keluarga yang ditempatkan di dua PPS di daerah Hilir Perak setakat 9 pagi semalam.

Jurucakap APM dan Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Perak berkata seramai 109 mangsa ditempatkan di PPS Dewan Bandar Teluk Intan dan 143 lagi berada di PPS Dewan Sekolah Menengah Abdul Rahman Talib.

Di **Kuala Lumpur**, berlaku sedikit peningkatan jumlah mangsa apabila seramai 315 orang daripada 75 keluarga ditempatkan di dua PPS pada pagi semalam berbanding 312 orang daripada 75 keluarga malam kelmarin.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 24 December 2021		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Paras air ada tanda meningkat
Muka Surat	:	5

Paras air ada tanda **meningkat**

Orang ramai dinasihatkan tidak berada di kawasan sungai berhampiran empangan di Selangor

Shah Alam

Orang ramai dinasihatkan supaya tidak berada di dalam kawasan sungai berhampiran empangan di Selangor yang kini menunjukkan sedikit peningkatan pada paras air dan kuantiti serta halajunya.

Exco Infrastruktur dan Pertanian Selangor Izhah Hashim dalam satu kenyataan berkata, meskipun situasi kemungkinan kejadian limpahan air sungai adalah minimum namun langkah berjaga-jaga harus diambil, apabila berlakunya limpahan dan pelepasan air empangan.

"Apabila takungan di empangan mencapai tahap maksimum, lebih air takungan akan melimpah (overflow) melalui alur limpahan (spillway) dan disalurkan ke sungai berhampiran, namun kadar aliran adalah terkawal," katanya.

Menurutnya, prosedur pe-



PENDUDUK mengharungi sungai apabila jambatan musnah akibat banjir di Batu 23, Kampung Sungai Lui, Hulu Langat. - Gambar NSTP/AIZUDDIN SAAD

lepasan air empangan pula akan dilaksanakan dengan kawalan melalui menara pelepasan air empangan (*dra-woff tower* atau *radial gate*)

yang turut dialirkan ke sungai berhampiran merujuk kepada lengkung operasi empangan yang ditetapkan. "Ini adalah bagi memas-

tikan kawalan terhadap limpahan di hilir sungai dan juga memastikan keselamatan integriti struktur empangan," katanya.



Prosedur pelepasan air empangan akan dilaksanakan dengan kawalan melalui menara pelepasan air empangan"

Izhah

Terdapat tujuh empangan di Selangor iaitu Empangan Sungai Selangor dan Empangan Sungai Tinggi di daerah Hulu Selangor. Empangan Tasik Subang di daerah Petaling, Empangan Sungai Langat dan Empangan Semenyih di daerah Hulu Langat dan Kolam Off River Storage (ORS) Labu di daerah Sepang yang berfungsi sebagai takungan sumber bekalan air mentah yang dioperasikan pihak Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd.

Sementara Empangan Klang Gates dan Empangan

Batu di daerah Gombak merupakan empangan dwifungsi bagi tujuan tebatan banjir dan bekalan air mentah yang dioperasikan pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia bersama-sama Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd.

Beliau berkata Lembaga Urus Air Selangor (Luas) selaku agensi yang mengawal selia sumber air sentiasa memantau situasi semasa dalam memastikan kuantiti takungan empangan berkecukupan untuk pembekalan air mentah bagi 34 muka sauk bekalan air di Selangor terutamanya untuk persediaan menghadapi musim kemarau.

Untuk mendapatkan maklumat terkini status paras air empangan Selangor, orang ramai juga boleh melayari portal Integrated Water Resources Management Systems (IWRIMS) atau muat turun aplikasi IWRIMS.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
24 December 2021		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	14 hari kembali bersih
Muka Surat	:	6

Oleh Ruwaida Md Zain
 am@hmetro.com.my

Shah Alam

Selangor memerlukan bantuan lebih banyak lori dan sukarelawan bagi mempercepatkan operasi pembersihan sampah pukul di kawasan terjejas akibat banjir di negeri itu.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, kerja pembersihan sampah pukal itu membabitkan 1,200 petugas KDEB Waste Management Sdn Bhd (KDEB) iaitu syarikat penuh milik kerajaan negeri.

Bagaimanapun, katanya, tenaga sukarelawan diperlukan untuk mengangkut sampah rumah penduduk yang tidak dapat diakses lori sampah.

"Di lorong kecil, petugas kita tidak mampu sepenuhnya, kita memerlukan sukarelawan bagi mengangkut sampah keluar dari rumah dan lorong ke jalan besar, di jalan besar nanti pihak KDEB Waste boleh pungut dan uruskan.

14 hari kembali bersih

Selangor mohon lebih banyak lori, sukarelawan percepat pembersihan sampah pukal

"Sekarang ini keutamaan kita pembersihan rumah sehingga bawa keluar sedang berjalan, jadi kita perlu percepatan, sebab itu sukarelawan yang hendak datang, selain bagi bantuan makanan dan keperluan.. boleh bantu mengeluarkan sam-

pah di rumah mangsa terjejas akibat banjir," katanya. Beliau berkata demikian selepas meninjau Operasi Pembersihan KDEBWM pascabanjir di Jalan Mat Raji, Padang Jawa, Seksyen 16 di sini, semalam.

Pada masa sama, katanya, kerajaan negeri mengalu-alukan pihak yang boleh menyumbangkan lori ber-

sesuaian untuk mengangkut sampah berkenaan.

"Kita ada lebih 400 lori seluruh Selangor untuk angkat sampah ini, tetapi kalau mana-mana pihak hendak bagi lori kita sangat hargai.

"Sebab semakin banyak lori semakin cepat kita dapat bersihkan sampah banjir di kawasan terjejas," katanya.

Amirudin berkata, pihaknya menasaskan proses pembersihan itu selesai dalam tempoh satu hingga dua minggu, tetapi bergantung kepada keadaan semasa.

"Hari ini waktu pengoperasian kawasan pelupusan sampah Jeram Sanitary Landfill di Jeram, Kuala Selangor dilanjutkan daripada jam 8 malam sehingga 11 malam bagi mengelakkan lori sampah beratur panjang untuk membuang sampah pukal banjir di fasiliti itu," katanya.

Sementara itu, katanya, pihaknya sedang mempertimbangkan agar kenderaan mangsa banjir yang tersadai di tepi jalan dialihkan ke tempat sesuai.



AMIRUDIN menengokkan jentolak ketika membantu membersihkan sampah dalam operasi pembersihan KDEB di Padang Jawa, semalam.



KERATAN AKHBAR 24 December 2021		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Manfaat buat 60,000 penduduk
Muka Surat	:	26

lokal

Manfaat buat 60,000 penduduk

Pembinaan Masjid Bukit Beruntung mampu tampung 3,500 jemaah selain sebagai pusat bantuan

Oleh Hafidzul Hilmi
 Mohd Noor
 hafidzul@hmetro.com.my

Hulu Selangor

Pembinaan Masjid Bukit Beruntung bakal memanfaatkan kira-kira 60,000 penduduk sekitar yang selama ini terpaksa 'menumpang' di Masjid Bukit Sentosa untuk solat Jumaat.

Pembinaan masjid yang bakal memuatkan kira-kira 3,500 jemaah itu akan dibina di tanah seluas dua ekar yang disediakan pihak pemaaju di Bandar Bukit Beruntung.

Pengerusi Jawatankuasa Penaja Pembinaan masjid berkenaan, Abdullah Muhammad berkata, masjid itu amat diperlukan penduduk setempat memandangkan kawasan itu tidak mempunyai masjid.

"Di Bukit Beruntung hanya ada 11 surau apabila enam daripadanya adalah



ABDULLAH (tengah) menerima sumbangan dana daripada penderma bagi pembinaan Masjid Bukit Beruntung. - Gambar NSTP/SAIFULLIZAN TAMADI



ILUSTRASI Masjid Bukit Beruntung.

surau dengan kebenaran solat Jumaat. Jika masjid ini dapat dibina, ia akan menjadi masjid pertama di Bukit Beruntung.

"Bagaimanapun, dengan kependudukan yang ramai, surau Jumaat yang disediakan 'melimpah' hingga pekarangan surau dan menyebabkan ada antara penduduk terpaksa solat Jumaat di masjid Bukit Sentosa," katanya.

Abdullah berkata, usaha pembangunan masjid Bukit Beruntung bermula dari cetusan idea beberapa ahli jemaah Surau Al Muhajirin pada 2013 sebelum jawatankuasa pembinaan masjid ditubuhkan.

"Proses seterusnya yang perlu dilakukan ialah mendapatkan kelulusan daripada Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) dan mendapat kelulusan pada 2013.

"Jawatankuasa kemudian melakukan proses mewarakan tapak masjid di tanah seluas dua ekar dan pewartan tanah tapak masjid selesai dibuat pada tahun 2015," katanya.

Menurutnya, kini pihaknya mengumpulkan dana yang dianggarkan sekitar RM16 juta bagi memulakan pembinaan pada tahun depan.

"Kos semasa mungkin menjangkau jumlah yang lebih besar dari itu. Sekali pandang anggaran kos nampak besar berbanding pembinaan masjid lain.

"Namun, beberapa perka-

ra menjadi asas dalam pertimbangan kos antaranya masjid yang dicadangkan bercirikan pembinaan moden sebagai tempat beribadah dan sebagai pusat agama untuk penduduk Bukit Beruntung yang dianggarkan seramai 60,000.

"Ruang solat yang lebih besar diperlukan bagi menampung jemaah yang begitu ramai selain dilengkapi pelbagai kemudahan," katanya.

Menurutnya, pembinaan masjid di kawasan itu sangat penting dan boleh dijadikan sebagai pusat bantuan jika berlaku banjir dan bencana alam yang lain.

"Masjid ini adalah kompleks yang serba lengkap dengan sebuah dewan serbaguna dan empat rumah imam dan kakitangan masjid.

"Masjid juga akan dilengkapi sistem solar bagi menjana tenaga untuk kegunaan dalam selain dilengkapi rain harvester untuk penggunaan air hujan bagi tujuan wuduk serta minuman," katanya.

Shuhubangan itu, katanya, pembinaan masjid berkenaan diperlukan ahli kariah dan tepat pada masanya apabila melihat perkembangan pembangunan dan pertumbuhan penduduk di sini.

"Banyak kesenangan dan manfaat sekiranya Bukit Beruntung ada masjid sendiri berbanding terpaksa ke masjid lain, tambahan pula semakin ramai warga emas di sini jadi jika ada masjid dekat itu lebih baik.

"Jadi, kami berharap masjid berkeluasan dua ekar dengan konsep seni bina moden dapat dibina secepat mungkin. Jangkaan kami siap sepenuhnya 2024, tetapi jika awal adalah lebih baik," katanya.

Justeru, beliau mengharapkan orang ramai dapat membantu pembinaan masjid berkenaan dengan memberikan sumbangan berbeza-bekal kewangan.

"Jumlah keseluruhan kos pembinaan masjid berkenaan adalah RM16 juta di mana setakat ini, kira-kira RM3 juta kutipan sudah diperolehi.

"Mari kita sama-sama menyumbang untuk pembinaan masjid ini. Semoga dengan usaha ini, Allah akan menyediakan sebuah mahligai kepada penderma di syurga nanti, insya-Allah," katanya.

Masjid Pertama di Bukit Beruntung

DANA PEMBINAAN



PUBLIC BANK PEMBINAAN MASJID
 PUBLIC ISLAMIC BANK SUKTI BERUNTING 3814218436

"WADAH PERPADUAN UMMAH"



KERATAN AKHBAR 24 December 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	MB Selangor sasar isu sampah selesai dalam tempoh seminggu
Muka Surat	:	6

MB Selangor sasar isu sampah selesai dalam tempoh seminggu

SHAH ALAM - KDEB Waste Management (KDEBWM) berjaya mengeluarkan sebanyak 600 tan sampah di Kampung Padang Jawa di sini dalam tempoh tiga hari.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berharap jumlah kutipan itu akan meningkat dalam tempoh terdekat apabila air mula surut di lebih banyak lokaliti lain.

Menurutnya, kerja-kerja pembersihan di Sungai Lui, Hulu Langat juga telah dimulakan sejak Isnin lalu dan pada Khamis, KDEBWM berada di kawasan Taman Sri Muda, Seksyen 25, Shah Alam apabila air mulai surut sepenuhnya.

"Kita juga berharap sukarelawan yang datang boleh membantu terutama mengeluarkan sampah dari rumah dan lorong kerana pegawai kita tidak cukup.

"Sukarelawan yang kita ada dapat mengeluarkan sampah untuk memudahkan KDEBWM memungut dan mengeluarkan semua sampah yang ada ke bahagian depan (jalan besar).

"Kita sasarkan proses ini (berjalan) dalam tempoh se-

minggu hingga kedua minggu, kita lihat keadaan dan ia bergantung juga kepada kadar air surut," katanya kepada pemberita selepas meninjau operasi pembersihan KDEBWM Pasca Banjir di Padang Jawa di sini pada Khamis.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan dan Pengangkutan Awam negeri, Ng Sze Han dan Pengarah Urusan KDEBWM, Ramli Mohd Tahir.

Sementara itu, Ramli berkata, KDEBWM berdepan cabaran mengurus kutipan sampah domestik sebagaimana kebiasaannya di seluruh negeri itu selepas banjir surut.

Katanya, selain diarahkan mengutip sampah di pusat pemindahan sementara (PPS), pembersihan darurat seperti banjir kilat juga perlu dilaksanakan di kesemua lapan kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Kita juga membawa lori-lori yang kawasannya stabil seperti di Hulu Selangor. Sepang dan di Sabak Bernam untuk membantu penduduk di Shah Alam, Klang, Kajang dan juga



Dari kiri: Ramli, Sze Han dan Amirudin ketika tinjauan di Kampung Padang Jawa, Shah Alam pada Khamis.

mana-mana kawasan yang memerlukan bantuan pembersihan dengan kadar segera," katanya.

Beliau berkata, walaupun mengambil sedikit masa, namun pihaknya akan bekerja lebih masa untuk memastikan proses kutipan sampah berjalan dengan lancar.

"Mungkin Khamis depan (selesai), insya-ALLAH kalau tak hujan balik, penduduk dah

keluarkan barang, kita akan cuba masukkan lori yang kita ada dengan kekuatan pekerja, kita akan cuba selesaikan.

"Operasi kerja di tapak pelupusan juga dipanjangkan sehingga jam 11 malam sebab pekerja kita juga perlu tidur, jam 5 pagi sudah perlu masuk ke kawasan semula, ini bukan kerja ringan," katanya.

Dalam perkembangan sama,

setakat jam 9 malam pada Rabu, KDEBWM mengangkut sebanyak 2,064 tan metrik sampah melibatkan 487 tong roll-on roll-off (RORO), 29 jengkaut dan 1,274 pekerja bagi operasi pembersihan di lapan daerah terjejas banjir.

Malah, usaha giat dijalankan bersama bantuan petugas agensi serta kerjasama sukarelawan.



KERATAN AKHBAR		
24 December 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Selangor perlu bina kolam bawah tanah
Muka Surat	:	8



TIBA MASA SELANGOR BINA KOLAM BAWAH TANAH

PAKAR mencadangkan pembinaan kolam takungan bawah tanah seperti yang dilaksanakan oleh beberapa bandar besar dunia termasuk Hong Kong, Jepun dan Singapura.

Timbalan Pengerusi Persatuan Hidrologi Malaysia, Datuk Ir Hanapi Mohamad Noor berkata, kolam takungan itu boleh mengalirkan air sungai melimpah terutama dari Sungai Klang dan Sungai Damansara.

Katanya, ia seperti empangan bawah tanah dan berfungsi mengalirkan air hujan dengan mengambil kira kemungkinan berlaku hujan luar biasa di masa hadapan.

8

Selangor perlu bina kolam bawah tanah

Empangan bawah tanah mampu memanfaatkan penduduk dan dilengkapi sensor keselamatan

Oleh LIZA MOKHTAR dan KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN

SHAH ALAM

Hujan tanpa henti sejak Jumaat hingga Ahad di Selangor mengakibatkan beberapa lokasi banjir besar seperti Shah Alam, Klang dan Hulu Langat menimbulkan tanda tanya apa yang perlu dilakukan seupaya tragedi sama tidak berulang.

Sesetengah pihak berpendapat perlunya pembinaan terowong seperti Terowong SMART yang berfungsi mencegah banjir kilat dan mengurangkan kesesakan trafik seperti di Kuala Lumpur.

Namun bagi pakar, tiada keperluan pembinaan itu melainkan pembinaan kolam takungan bawah tanah seperti yang dilaksanakan oleh beberapa bandar besar dunia termasuk Hong Kong, Jepun dan Singapura.

Timbalan Pengerusi Persatuan Hidrologi Malaysia, Datuk Ir Hanapi Mohamad Noor berkata, pihak berkuasa terlibat pada ketika ini perlu melakukan kajian terhadap pembinaan kolam takungan bawah tanah yang boleh mengalirkan air sungai melimpah terutama dari Sungai Klang dan Sungai Damansara.

"Kolam takungan air bawah tanah itu boleh digambarkan seperti empangan bawah tanah dan berfungsi mengalirkan air hujan dengan mengambil kira kemungkinan berlaku hujan luar biasa di masa hadapan.

"Kolam seumpama itu telah dilaksanakan dengan jayanya di bandar besar seperti Hong Kong di mana air yang ditakung boleh dimanfaatkan untuk untuk pelbagai kegunaan terutama pada musim kemarau," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Mantan Pengarah Pengurusan Sumber Air dan Hidrologi Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia itu menambah, keadaan dalam kolam takungan itu boleh dipantau dan diawasi melalui kamera litar tertutup



Bagian dalam takungan atau kolam bawah tanah yang mampu mengelak risiko banjir besar.



HANAPI

(CCTV) dan sensor keselamatan andai takungan itu dilimpahi air.

Namun tegas Hanapi, dalam situasi mengurangkan risiko banjir, paling utama adalah memastikan setiap projek pembangunan yang dirancang harus menjalani analisa hidrologi terlebih dahulu.

Menurutnya, analisa hidrologi ini penting bagi menentukan sebanyak mana aliran air hujan dari kawasan tadahan serta kemampuan kapasiti sistem saliran di kawasan yang mahu dibangunkan itu mengalirkan air keluar bagi mengelakkan risiko bertakung air.

"Kawasan pembangunan baru juga haruslah berada lebih tinggi daripada paras banjir," katanya.

Mengulas kawasan Sri Muda di Seksyen 25, Shah Alam iaitu lokasi Sungai Klang iaitu sekitar 20 hingga 30 peratus di bahagian luar Taman Sri Muda ke Sungai Langat dengan jarak lebih kurang 7km.

"Saluran lencongan yang dilengkapi dengan struktur kawalan air ini mampu juga berperanan sebagai kolam takungan yang berkesan. Pembinaan saluran lencongan seperti ini boleh mengurangkan tekanan ke

atas Sungai Klang dari segi kuantiti air yang dialirkan dan juga menurunkan paras air sungai," katanya.

Perbezaan banjir

Ketua Kluster Alam Sekitar dan Kelestarian, Akademi Profesor Malaysia (APM), Profesor Emeritus Datuk Ibrahim Komoo pula berkata, perkara pertama perlu diambil kira sebelum sebarang langkah mitigasi banjir dilakukan adalah membezakan antara dua banjir paling biasa terjadi iaitu banjir kilat dan banjir sungai.

"Banjir kilat merupakan hujan lebat tempatan di mana air naik serta merta dan surut dalam masa beberapa jam. Banjir kilat boleh diatasi dengan membuat prasarana tebatan banjir.

"Antaranya seperti pembinaan terowong pintar, kolam takungan dan perparitan tambahan," katanya.

Banjir sungai atau banjir monsun pula katanya, melibatkan hujan lebat tanpa henti seperti berhari-hari di banyak kawasan.

"Banjir jenis ini bermula dengan tanah menjadi tepu, permukaan air larian bertambah dan air sungai tidak dapat menampung kuantiti air yang banyak. Limbah air berlaku di dataran banjir iaitu kawasan yang pernah terjadi banjir sebelumnya," katanya.

Menurutnya, buat waktu ini tindakan jangka pendek yang boleh dilakukan adalah memperkenalkan sistem amaran awal yang lebih berkesan, umpamanya berasaskan setiap sistem lembangan serta melihat semula dasar dan garis panduan sedia ada bagi meminimumkan risiko banjir," katanya.

SISTEM TAKUNGAN AIR BAWAH TANAH

Sistem takungan air bawah tanah boleh digambarkan seperti empangan bawah tanah dan berfungsi mengalirkan air hujan berlebihan bagi mengelak insiden banjir besar.

Tiga negara mempunyai sistem takungan air bawah tanah termasuklah Hong Kong, Jepun dan Singapura.

HONG KONG

- Bagi mengatasi masalah banjir di kawasan penempatan Happy Valley, Hong Kong, Jabatan Perkhidmatan Saliran membina satu sistem perlindungan banjir dengan gangguan minimal terhadap orang awam dan aktiviti komersial.
- Sistem melibatkan pembinaan tangki takungan bawah tanah gergasi berbentuk L berkapasiti 60,000 m³ terletak di bawah Tapak Rekreasi Happy Valley yang juga menempatkan lima padang sukan.
- Ia berfungsi menyimpan sementara air hujan berlebihan ketika hujan lebat sebelum dilepaskan ke sistem perparitan hiliran untuk mengurangkan risiko banjir.
- Mengambil inspirasi daripada konsep Sponge City, ia juga mempunyai sistem pengumpulan air terbesar di Hong Kong yang mengumpulkan air bawah tanah dan air hujan.
- Air yang dikumpulkan melalui unit rawatan sebelum digunakan untuk mengiri padang sukan yang terletak di tapak rekreasi tersebut, menyiram pokok dan mengempas tandas.

JEPUN

- Mempunyai sistem pengawalan banjir dikenali sebagai Projek Metropolitan Area Outer Underground Discharge Tunnel (G-Cans) yang siap dibina pada tahun 2006 merupakan fasiliti lencongan air bawah tanah terbesar di dunia.
- Terletak antara Showa di Tokyo dan Kasukabe di wilayah Saitama, Projek G-Cans berfungsi untuk melindungi bandar Tokyo daripada banjir ketika hujan lebat dan taufan.
- Projek G-Cans terdiri daripada lima silo konkrit (silinder tinggil), terowong sepanjang 6.5 kilometer, tangki simpanan air (juga dipanggil Underground Temple) dan 78 buah pam.
- Terowong mengalirkan air ke Underground Temple yang menampung air sebelum dilepaskan semula ke Sungai Edogawa pada kadar 7,000 kaki padu air sesaat.
- Takungan tersebut membantu mengurangkan kerosakan keselamatan akibat banjir sekitar 90 peratus. Di Tokyo sahaja, dilaporkan 10 lagi takungan bawah tanah dan tiga terowong banjir sedang dalam pembinaan.

SINGAPURA

- Untuk menangani situasi banjir, Singapura membina dua projek bawah tanah dikenali sebagai Stamford Diversion Canal (SDC) dan Stamford Detention Tank (SDT).
- Pembinaan SDC dan SDT membolehkan 30 peratus air lebat ketika hujan lebat atau ribut dilencongan dari Stamford Canal sekali gus mengurangkan risiko banjir di kawasan Orchard Road.
- SDT terletak di bawah Tversall Learning Forest's Coach Park dan National Orchard Nursery dan direka menyimpan sementara lebihan air hujan dari longkang-longkang di sekitar Holland Road ketika hujan lebat.
- Apabila hujan surut, air yang disimpam di SDT (berkapasiti sebanyak 15 kolam renang bersaiz Olimpik) akan dipam semula ke longkang menuju ke SDC yang juga salah satu terowong berdiameter besar paling cetek di Singapura dengan beberapa kawasan hanya empat meter di bawah tanah.





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 24 December 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	BANJIR MELANDA
Muka Surat	:	12

BANJIR MELANDA



Timbunan sampah sarap dikumpulkan penduduk di tepi jalan di Kampung Sri Aman, Puchong akibat kejadian banjir melanda kawasan tersebut.



Sampah sarap yang terhasil selepas banjir mulai surut dikumpulkan oleh penduduk Kampung Padang Jawa, Shah Alam pada Khamis.



Seorang penunggang motosikal melalui kawasan longgokan sampah sarap dan perkakasan rumah yang musnah dalam kejadian banjir yang dikumpulkan penduduk di satu kawasan lapang sebelum diuruskan pelupusannya oleh pihak berwajib di Taman Perumahan Seri Inderapura, Kuantan pada Khamis.



Kedadaan di sekitar kawasan Taman Eko Rimba Jeram Toi, Jelebu yang musnah akibat kejadian tanah runtuh dan banjir baru-baru ini. Kerajaan Negeri Sembilan telah menutup sementara semua hutan lipur sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kepada pengunjung atas faktor keselamatan.



Anggota Angkatan Tentera Malaysia glat melakukan penghantaran bantuan bekalan makanan menggunakan bot berikutan tidak dapat menggunakan jambatan yang runtuh susulan kejadian banjir yang melanda di Kampung Bemban, Jelebu, Negeri Sembilan, beberapa hari yang lalu.



Seorang penduduk berjalan di celah kenderaan yang rosak teruk akibat banjir baru-baru ini ketika tinjauan di sebuah pangsapuri di Taman Sri Muda, Seksyen 25, Shah Alam pada Khamis.



Sampah sarap yang terhasil selepas banjir dikumpulkan oleh penduduk di satu kawasan lapang sebelum diuruskan pelupusannya oleh pihak berwajib di Taman Perumahan Seri Inderapura, Kuantan pada Khamis.



KERATAN AKHBAR		
24 December 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Elak berada di sungai dekat empangan
Muka Surat	:	25

Elak berada di sungai dekat empangan

Empangan di Selangor menunjukkan sedikit peningkatan pada paras air dan kuantiti serta halajunya

SHAH ALAM

Orang ramai dinasihatkan supaya tidak berada dalam kawasan sungai berhampiran empangan di Selangor yang kini menunjukkan sedikit peningkatan paras air dan kuantiti serta halajunya.

Exco Infrastruktur dan Pertanian Selangor, Izhah Hashim dalam kenyataan pada Khamis berkata, meskipun situasi kemungkinan kejadian limpahan air sungai adalah minimum, namun langkah berjaga-jaga harus diambil, apabila berlakunya limpahan dan pelepasan air empangan.

"Apabila takungan di

empangan-empangan mencapai tahap maksimum, lebihan air takungan akan melimpah (*overflow*) melalui alur limpah (*spillway*) dan disalurkan ke sungai berhampiran, namun kadar aliran adalah terkawal," katanya dalam kenyataan itu.

Menurutnya, prosedur pelepasan air empangan pula akan dilaksanakan dengan kawalan melalui menara pelepasan air empangan (*drawoff tower* atau *radial gate*) yang turut dialirkan ke sungai berhampiran merujuk kepada lengkung operasi empangan yang ditetapkan.

"Ini adalah bagi memastikan kawalan terhadap limpahan di hilir sungai dan juga memastikan keselamatan integriti struktur empangan," katanya.

Terdapat tujuh empangan di Selangor iaitu Empangan Sungai Selangor dan Empangan Sungai Tinggi di daerah Hulu Selangor, Empangan Tasik Subang di daerah Petaling, Empangan Sungai Langat dan Empangan Semenyih



Orang ramai dinasihatkan supaya tidak berada dalam kawasan sungai berhampiran empangan di Selangor yang kini menunjukkan sedikit peningkatan paras air.

di daerah Hulu Langat dan Kolam Off River Storage (ORS) Labu di daerah Sepang yang berfungsi sebagai takungan sumber bekalan air mentah yang dioperasikan pihak Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd.

Sementara Empangan Klang Gates dan Empangan Batu di daerah Gombak merupakan empangan dwifungsi bagi tujuan tebatan banjir dan bekalan air

mentah yang dioperasikan pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia bersama-sama Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd.

Izhah berkata, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) selaku agensi yang mengawal selia sumber air sentiasa memantau situasi semasa dalam memastikan kuantiti takungan empangan berkenaan agar sentiasa men-

cukupi untuk pembekalan air mentah bagi 34 muka sawk bekalan air di Selangor terutamanya untuk persediaan menghadapi musim kemarau.

Untuk mendapatkan maklumat terkini status paras air empangan Selangor, orang ramai boleh melayari portal Integrated Water Resources Management Systems (IWRIMS) atau memuat turun aplikasi IWRIMS. - *Bernama*



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
23 December 2021

Akhbar	:	Astro Awani
Tajuk Berita	:	Angka Korban Di Selangor Meningkatkan 24
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
23 December 2021

Akhbar	:	Astro Awani
Tajuk Berita	:	Angka Korban Di Selangor Meningkatkan 24 Orang
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
23 December 2021

Akhbar	:	Bernama News Channel
Tajuk Berita	:	Selangor Perlu Sukarelawan, Lori, Bantu Operasi Bersih Sampah Pukul
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
23 December 2021

Akhbar	:	Nasional FM (87.7)
Tajuk Berita	:	Selangor Perlu Sukarelawan, Lori
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
24 December 2021		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Nine-month approved investment surges 51.5%
Muka Surat	:	2

Nine-month approved investment surges 51.5%

FDI accounts for 60% or RM106bil of RM178bil

ECONOMY

PETALING JAYA: Malaysia registered a stellar approved investment growth of 51.5% year-on-year to RM177.8bil, involving 3,037 projects, in the period of January-September 2021.

Senior Minister-cum-International Trade and Industry Minister Datuk Seri Mohamed Azmin Ali said the approved investment, comprising the manufacturing, services and primary sectors, is expected to generate 79,899 jobs in the country.

"The country's stellar performance is indeed a testament to investors' strong confidence in Malaysia as a preferred investment hub, particularly our conducive business ecosystem in providing high-skilled talent and having strong readiness in advanced technology.

"This, in turn, further bolsters our role as a prominent site in global companies' manufacturing networks, enhancing Malaysia's position as a pioneering, renowned investment destination in the region," he said in a statement issued by the Malaysian Investment Development Authority (Mida) yesterday.

Mohamed Azmin said the manufacturing sector accounted for 58.4% (RM103.9bil) of total investments, followed by the services sector at 32.5% (RM57.8bil) and the primary sector at 9.1% (RM16.1bil).

Foreign direct investment (FDI) accounted for nearly 60% of the approved investment at RM106.1bil, with Singapore, China, Austria,

"The country's stellar performance is indeed a testament to investors' strong confidence in Malaysia as a preferred investment hub, particularly our conducive business ecosystem in providing high-skilled talent."

Datuk Seri Mohamed Azmin Ali

Japan and the Netherlands being the top-five FDI countries, accounting for nearly 85.3% or RM90.6bil of the total numbers.

While FDI leads the approved investment in the manufacturing sector, investments by local companies dominated in the services and primary sectors.

During the nine-month period, domestic direct investment (DDI) totalled RM71.7bil or 40.3% of the total approved investment.

Kedah, Sarawak, Kuala Lumpur, Selangor and Pahang contributed RM134.8bil or 75.8% to the total approved investment in various sectors, he said.

He said a total of 522 manufacturing projects worth RM103.9bil were approved in the period of January-September 2021 – a 60% jump compared to RM64.8bil in the period of January-September 2020.

FDI drove the strong performance of the manufacturing sector during the period,

soaring 133.5% compared to the same period in 2020, accounting for 88.3% or RM91.7bil of the approved investment within the sector.

"The remaining RM12.2bil (11.7%) of the approved investment in the manufacturing sector was from domestic sources," he noted.

About 96.8% of the total approved investment for the sector comprised of electrical and electronics (RM64.3bil), fabricated metal products (RM14.0bil), rubber products (RM5.4bil), basic metal products (RM5.2bil), food manufacturing (RM4.6bil), chemicals and chemical products (RM4.1bil), scientific and measuring equipment (RM2.1bil), and transport equipment (RM980.8mil).

Mohamed Azmin emphasised that Malaysia was focusing on pursuing more high-quality, capital-intensive projects and those that supported the sustainable development agenda of the nation.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
24 December 2021		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Working together on rescue and relief efforts
Muka Surat	:	2

Working together on rescue and relief efforts

By **SYAHMI ROSFA**
 syahmi.rosfa@thestar.com.my

SHAH ALAM: The Selangor government will work closely with various stakeholders including NGOs in search and rescue (SAR) operations and to manage the welfare of flood victims, says Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari.

As at 8pm Tuesday, there were 22,875 victims from 5,165 families housed in 125 evacuation centres over the eight districts in Selangor, he said in a statement after chairing a special committee meeting on disaster management yesterday.

The meeting was held to discuss ways of improving rescue and relief

efforts, and included the Malaysian Civil Defence Force, the National Security Council, the police, the Social Welfare Department, the state Health Department, the Irrigation and Drainage Department (IID), the Malaysian Meteorological Department, and several other agencies.

State Opposition leader Datuk Rizam Ismail was also present to share his thoughts on ways to help the people of Selangor, said Amirudin.

The Menteri Besar added that these meetings will be held at least twice a week.

"I reminded all agencies and personnel here to show the importance

of togetherness and coordination, as well as adherence to the chain of command so that aid, especially food, basic equipment and medicine, can be delivered efficiently to the affected locations," said Amirudin.

Meanwhile, the public has been advised to stay away from the downstream of dams in Selangor following an increase in the water level and possible water overflow and release from the dams.

Selangor infrastructure and agriculture committee chairman Izham Hashim said when the reservoirs in the dams reach their maximum level, the excess water would flow over through the spill-

way and be channelled to nearby rivers.

"The rate of flow is controlled," he said, adding that the reservoir water release procedure would be implemented according to stipulated operating rules.

"This is to ensure control of overflow in the downstream of the river and to ensure the dams' structural safety and integrity," he said in a statement yesterday, according to Bernama.

There are seven dams in Selangor: Sungai Selangor Dam and Sungai Tinggi Dam in Hulu Selangor district, Tasik Subang Dam in Petaling district, Sungai Langat Dam and Sungai Semenyih Dam in Hulu

Langat and the Sungai Labu off-river storage in Sepang district which functions as a source of raw water operated by Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd.

The Klang Gates Dam and Batu Dam in Gombak district meanwhile are dual-function dams aimed at flood mitigation as well as raw water supply operated by the DID and Air Selangor, reported Bernama.

Izham added that the public can surf the Integrated Water Resources Management Systems (IWRIMS) portal or download the IWRIMS app for the latest information on the water levels of dams in Selangor.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
24 December 2021		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Digital parking coupons to be available via Smart Selangor app from Jan 3
Muka Surat	:	10

By **AIDA AHMAD**
 aidaahmad@thestar.com.my

THE Selangor government will introduce digital coupons or eKupon via the Smart Selangor Parking (SSP) app from Jan 3, following the phasing out of paper-based ones.

Selangor local government, public transport and new village development committee chairman Ng Sze Han said consumers who have bought paper parking coupons could still use them until March 31 next year.

"Paper parking coupons will be replaced with the Smart Selangor Parking eKupon.

"This new function will not affect existing or new users of the app as they can still continue to use SSP to pay for parking and parking compounds as usual," Ng said in a press conference at a ceremony to announce the additional eKupon function in the SSP app held at the Petaling Jaya City Council's (MBPJ) Dewan Sivik.

The use of eKupon is seen to further facilitate the parking payment system, where all registered eKupon agents in every local council in Selangor can be easily accessed via the SSP app.

"The Selangor government is aware of the impact of the movement control restrictions, as many economic sectors were not allowed to open during that period.

"A decision was made to continue with the use of paper parking coupons until the end of March.

"This means that starting April 1 next year, all parking payment transactions in Selangor will go fully digital.

Digital parking coupons to be available via Smart Selangor app from Jan 3



Smart Selangor Parking app eKupon is being introduced following the phasing out of paper coupons, which can still be used until March 31 next year.

"We encourage the public who still have paper coupons to use them within these three months.

"We will also come up with a mechanism for the public to credit the remaining value of the paper parking coupons into the SSP app," said Ng.

Ng added that non-smartphone users or those who had difficulty using the SSP app could buy

eKupon from authorised agents.

Ng added that the success of the Smart Selangor programme would be achieved not only with the creation of digital applications and innovations, but more importantly through widespread use and acceptance among the people.

"To achieve this goal, the Smart Selangor Parking app was intro-

